

ABSTRAK

Kajian ini cuba mendapatkan data mengenai pemilihan jenis-jenis ayat dan pola-pola ayat di samping mengenal pasti aspek kelemahan dalam ayat dalam penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar-pelajar sekolah rendah.

Subjek dalam kajian ini ialah seramai empat orang pelajar sekolah rendah di sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Daripada empat orang subjek, dua orang adalah pelajar darjah tiga dan dua orang lagi ialah pelajar-pelajar darjah lima. Pemilihan subjek adalah secara rawak. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan iaitu dua belas buah karangan yang ditulis oleh subjek tersebut. Setiap subjek diminta mengarang tiga buah karangan iaitu karangan jenis fakta, naratif dan ekspositori. Bentuk karangan yang berbagai itu dipilih bertujuan supaya pelajar dapat menggunakan pelbagai gaya penulisan berdasarkan jenis karangan.

Penentuan jenis dan pola ayat Bahasa Malaysia dalam kajian ini adalah berdasarkan Buku Tatabahasa Dewan, Edisi Baru oleh Nik Safiah Karim dan rakan-rakannya. Pengkaji membahagikan jenis-jenis ayat kepada ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah. Manakala pola atau ragam ayat dibahagikan kepada ayat tunggal, ayat tunggal pasif, ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk pancangan komplimen, ayat majmuk pancangan keterangan, ayat kompleks dan ayat majmuk pasif.

Pada amnya, pelajar-pelajar darjah tiga lebih gemar menggunakan pola ayat tunggal biasa dan ayat tunggal pasif manakala pelajar darjah lima paling banyak menggunakan ayat kompleks di samping ayat majmuk. Kedua-dua kumpulan pelajar gemar menggunakan ayat pasif sama ada ayat tunggal dan juga ayat majmuk.

Penemuan kajian ini dapat memberi manfaat bagi perancangan Kurikulum Bahasa Malaysia peringkat sekolah rendah. Diharapkan kajian yang lebih lanjut dapat dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain dalam skop yang lebih luas lagi.

ABSTRACT : An Analysis of the Types and Structure of Sentence in Bahasa Malaysia Compositions Written by Primary Students

The objectives of this study is to identify the types and structure of sentences being used by standard three and five primary students in Bahasa Malaysia compositions in a primary school. This study used the sampling method by analyzing twelve compositions written by four subjects. Two subjects were in Standard Three and the other two were in Standard Five. Each subject was asked to write three types of composition which were factual, narrative and expository. The subjects were selected at random. The researcher found that the Standard Three students frequently used simple and passive sentence structures compared to the Standard Five students who tended to use complex sentences more frequently. Both group very seldom used compound sentences in their compositions. This finding may be useful for Primary School Curriculum Planners especially for Bahasa Malaysia language teachers so that they can find a more appropriate approach to teaching these groups of children. It is hoped that there will be further in-depth studies made in the future of this area so that they can discover further information in greater detail that will create increased understanding within this field of research.